

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ**

**KAWASAN : PASIR MAS**

**TARIKH :**

**NO. SOALAN : 347**

**SOALAN:**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah bagi meneruskan agenda **ASEAN ECONOMIC COMMUNITY (AEC)** yang telah dilancarkan pada tahun lalu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Setelah hampir 50 tahun kewujudan ASEAN, Komuniti ASEAN telah secara rasminya dibentuk pada 31 Disember 2015. Komuniti ASEAN ini merangkumi 3 tonggak iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan, Komuniti Ekonomi atau AEC (*ASEAN Economic Community - AEC*) dan Komuniti Sosio-Budaya.

2. Pelan Tindakan AEC yang diperkenalkan pada tahun 2007 telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan sasaran pencapaian utama AEC iaitu:

- (i) mewujudkan ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- (ii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (iii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- (iv) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

3. Selama hampir lima dekad kewujudan ASEAN, pelbagai langkah yang telah digariskan di bawah Pelan Tindakan AEC telah berjaya dicapai, termasuklah:

- (i) penghapusan duti import ke atas 96 peratus produk dan bakinya dijangka akan dimansuhkan pada 1 Januari 2018;
- (ii) liberisasi sektor perkhidmatan yang merangkumi lebih daripada 100 sub-sektor perkhidmatan;
- (iii) menghapuskan halangan-halangan bagi sektor pelaburan;

- (iv) mengurangkan halangan-halangan bukan tarif (*Non-Tariff Barriers* (NTBs));
- (v) mengintegrasikan sektor-sektor lain seperti pengangkutan, kewangan, pertanian, telekomunikasi, pelancongan serta meningkatkan kerjasama di dalam bidang-bidang seperti galian, perhutanan dan tenaga;
- (vi) mengukuhkan kesalinghubungan (*connectivity*) melalui dasar "*Open Skies*" dan memudahkan pergerakan rentas- sempadan kenderaan komersial;
- (vii) memudahkan pergerakan rentas- sempadan tenaga mahir melalui "*mutual recognition arrangement*" dalam bidang kejuruteraan, arkitek, juruukur, perubatan, pergigian, kejururawatan dan akauntan; dan
- (viii) mengukuhkan kerjasama di dalam bidang hak harta intelek, dasar persaingan dan dasar perlindungan pengguna.

4. Langkah-langkah liberalisasi dan integrasi ekonomi yang telah dilaksanakan oleh ASEAN ini telah berjaya meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 telah menyumbang kepada pengukuhan ekonomi ASEAN serta peningkatan kepada kualiti hidup rakyat.

5. Walaupun ASEAN telah memansuhkan duti import secara substantif dan sektor perkhidmatan dan pelaburan telah diliberalisasikan, masih terdapat halangan-halangan dalam bentuk bukan tarif dan peraturan-peraturan domestik di kalangan negara-negara ASEAN yang menyekat aliran perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan secara lancar (*seamless trade*) di rantau ini. Sehubungan ini, ASEAN akan meneruskan agenda integrasi ekonomi di rantau ini dengan usaha-usaha menangani *NTBs* dan juga kesan halangan yang wujud hasil daripada *NTMs* melalui inisiatif-inisiatif fasilitasi perdagangan.

6. Semasa mempengerusikan ASEAN pada tahun 2015, Malaysia dan ASEAN telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi usaha fasilitasi perdagangan. Malaysia bercadang untuk terus mengekalkan momentum bagi mempertingkatkan integrasi ekonomi ASEAN. Antara inisiatif-inisiatif yang sedang dalam proses pelaksanaan adalah:

- (i) *Skim ASEAN-wide Self-Certification*;
- (ii) *ASEAN Single Window*;
- (iii) *ASEAN Solutions for Investment, Services and Trade (ASSIST)*;
- (iv) *ASEAN Trade Repository (ATR)*; dan
- (v) *ASEAN Customs Transit System (ACTS)*.

7. ASEAN menyedari bahawa proses integrasi ekonomi serantau merupakan sebuah proses yang berterusan. Sehubungan ini, Pemimpin-Pemimpin ASEAN telah memperakukan Pelan Tindakan AEC 2025

semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 yang lalu di Kuala Lumpur. Pelan Tindakan terbaru ini akan meneruskan lagi agenda integrasi ekonomi serantau ASEAN bagi tempoh 10 tahun yang akan datang.

8. Pelan Tindakan AEC 2016-2025 yang menggariskan langkah-langkah strategik untuk dilaksanakan di rantau ASEAN untuk tempoh 10 tahun akan datang mengandungi ciri-ciri utama seperti berikut:

- (i) Ekonomi yang Bersepadu dan Kohesif - memudahkan pergerakan barangan dagangan, perkhidmatan, pelaburan, modal serta buruh mahir dalam ASEAN bagi meningkatkan rangkaian perdagangan dan pengeluaran ASEAN;
- (ii) ASEAN yang Kompetitif, Inovatif dan Dinamik - meningkatkan daya saing dan produktiviti rantau ASEAN melalui pewujudan dasar persaingan efektif, memupuk penciptaan dan perlindungan pengetahuan, meningkatkan penyertaan ASEAN di dalam *Global Value Chain* (GVC) serta mengukuhkan *regulatory framework* yang berkaitan;
- (iii) Kesalinghubungan dan Kerjasama Sektoral yang Diperkukuhkan - meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) ekonomi pelbagai sektor iaitu pengangkutan, telekomunikasi serta tenaga seperti yang dinyatakan dalam visi dan tujuan *Master Plan on ASEAN Connectivity* (MPAC)

dengan tujuan meningkatkan sumbangan sektor-sektor penting agar daya saing ASEAN secara amnya meningkat;

- (iv) ASEAN yang Berdaya Tahan, Inklusif, Berorientasi Rakyat dan Mesra Rakyat - meneruskan dan mempertingkatkan ciri ketiga AEC 2015 iaitu Pembangunan Ekonomi yang Saksama (*Equitable Economic Development*) ; dan
- (v) Pewujudan Global ASEAN - usaha-usaha untuk mengintegrasikan ekonomi rantau ASEAN ke dalam ekonomi global melalui FTA dan Perkongsian Komprehensif Ekonomi (*Comprehensive Economic Partnership - CEP*) dengan negara-negara lain. FTA dan CEP ini telah mengukuhkan kedudukan ASEAN sebagai rantau ekonomi yang terbuka dan inklusif.

9. Selain bidang-bidang utama iaitu aliran bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga mahir, Pelan Tindakan AEC 2025 juga turut merangkumi bidang-bidang baru seperti amalan tadbir urus yang baik (*good regulatory practices – GRP*) dan *global megatrend* serta isu-isu baru berkaitan perdagangan (*emerging trade related issues*).

10. Selain daripada agenda integrasi ekonomi serantau, ASEAN akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan rakan-rakan dagang utama iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand serta merencanakan kerjasama ekonomi dengan Kanada, Amerika Syarikat, Kesatuan Rusia, Kesatuan Eropah dan lain-lain. ASEAN

juga sedang memuktamadkan beberapa perjanjian perdagangan dengan Rakan Dialog iaitu ASEAN-Hong Kong (AHKFTA) dan Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*–RCEP). Usaha-usaha ini adalah penting untuk memperkukuhkan lagi hubungan ASEAN dengan Rakan Dialog dan memastikan akses pasaran berterusan bagi eksport ASEAN.

**SULIT**

**SOALAN: 348**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NIK MOHAMAD  
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**SOALAN : 348**

**YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan langkah bagi memperkukuhkan  
institusi semak dan imbang Kerajaan seperti Jabatan Audit Negara.**



SULIT

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Ketua Audit Negara melaksanakan tugas pengauditan dan mengemukakan laporannya dengan bebas di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tanpa terikat dengan arahan atau campurtangan daripada mana-mana pihak. Ini bagi memastikan Jabatan Audit Negara dapat melaksanakan tugasnya sebagai institusi semak dan imbang Kerajaan.

Jabatan Audit Negara juga kini dalam proses pelaksanaan transformasi jabatan bagi memastikan fungsi Jabatan Audit Negara dapat diperkukuhkan dalam menyemak dan mengimbangi aktiviti Kerajaan. Pelaksanaan Transformasi ini secara prinsipnya telah mendapat persetujuan Jemaah Menteri dan masih diperingkat perbincangan untuk diperhalusi lagi cara pelaksanaannya.

Jabatan Audit Negara juga sedang melaksanakan penstrukturan semula jabatan bagi memastikan kesinambungan fungsi Jabatan Audit Negara dapat dikekalkan mengikut keperluan semasa. Penstrukturan ini adalah sejajar dengan Transformasi Perkhidmatan Awam yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan sistem penyampaian Kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penstrukturan ini melibatkan '*redeployment*' kakitangan Jabatan Audit Negara

**SULIT**

berdasarkan struktur baru Jabatan Audit Negarayang diluluskan dan disyaratkan tanpa kos tambahan kepada Kerajaan

Sekian. Terima kasih.